

**POLA PENGETAHUAN, KEFAHAMAN DAN PENGGUNAAN TEORI
DI KALANGAN KAUNSELOR DI MALAYSIA**

ZAKARIA BIN MOHAMAD

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1100053955

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

CM - % 4521

tesis

BF 76.4 .Z3 2007



1100053955

Pola pengetahuan, kefahaman dan penggunaan teori di kalangan
kaunselor di Malaysia / Zakaria Mohamad.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

	1100053955	

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UNT

POLA PENGETAHUAN, KEFAHAMAN DAN PENGGUNAAN TEORI DI
KALANGAN KAUNSELOR DI MALAYSIA

ZAKARIA BIN MOHAMAD

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2007

1100053955

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Mei 2007

ZAKARIA BIN MOHAMAD
P 27459

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah, kerana dengan limpah kurniaanNya jua, saya dapat menyiapkan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang telah memberi peluang kepada saya menyambung pengajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya, Prof. Madya Dr. Noriah Mohd Ishak di atas kesungguhan dan kesabarannya membimbing saya sehingga dapat menyelesaikan tesis ini. Terima kasih juga kepada penyelia kedua saya Prof Madya Dr. Zuria Mahmud yang turut membantu tanpa mengira masa. Segala tunjuk ajar tersebut akan tetap disanjung tinggi dan diingati. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada pembaca tesis ini, Prof. Datin Dr. Amla Mohd Salleh yang banyak menunjuk ajar untuk menghasilkan penulisan yang bermutu.

Kepada isteri tercinta, Normala Omar, anak-anak, Nur Amanina, Nur Diyanah dan Nur Syakira yang sentiasa memahami dan menjadi pendorong di sepanjang pengajian saya.

Akhir sekali terima kasih kepada semua kaunselor yang terlibat dalam kajian ini dan rakan sepengajian yang selalu membantu. Kerjasama yang anda diberikan adalah tidak ternilai dalam menyiapkan kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat pola pengetahuan, kefahaman dan penggunaan teori di kalangan kaunselor di Malaysia. Pendekatan penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini merupakan kombinasi antara pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif yang di guna pakai ialah kajian kes dan analisis dokumen. Kajian kes melibatkan seramai 6 orang pengamal kaunseling. Mereka telah dipilih secara bertujuan. Data untuk kajian kes telah di kumpul menggunakan temu bual. Data verbatim daripada temu bual tersebut telah dianalisis menggunakan perisian NVivo 2. Tema dan sub tema pola pengetahuan, kefahaman dan penggunaan teori telah dikenal pasti. Dapatan yang diperoleh daripada temu bual kemudiannya dijadikan panduan untuk analisis dokumen yang dijalankan terhadap teks (*Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy*). Sebanyak 7 teori telah dianalisis dan tema penggunaan teori telah dikenal pasti. Dalam pendekatan kuantitatif pula, sebanyak 241 soal selidik telah diedar kepada kaunselor yang dipilih secara rawak mudah. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan dua jenis statistik iaitu deskriptif (peratus dan min) dan inferensi (kolerasi Pearson, Faktorial ANOVA dan ANOVA sehalu). Secara keseluruhannya terdapat 3 pemboleh ubah bersandar (pengetahuan, kefahaman dan penggunaan) dan setiap satu telah diuji dengan 6 pemboleh ubah bebas (umur, jantina, pengalaman, pendaftaran, penyeliaan dan kelulusan akademik). Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan penggunaan serta kefahaman dan penggunaan. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kefahaman. Analisis Faktorial ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan pengetahuan teori yang signifikan, tidak terdapat perbezaan kefahaman teori yang signifikan (kecuali status) dan tidak terdapat perbezaan penggunaan teori yang signifikan (kecuali penyeliaan) di kalangan kaunselor yang berlainan latar belakang. Analisis Faktorial ANOVA juga menunjukkan tiada kesan interaksi yang signifikan antara pemboleh ubah tidak bersandar ke atas pengetahuan, tiada kesan interaksi yang signifikan antara pemboleh ubah tidak bersandar ke atas kefahaman (kecuali umur dan penyeliaan serta jantina dan penyeliaan) dan tiada kesan interaksi yang signifikan antara pemboleh ubah tidak bersandar ke atas penggunaan teori.

THE PATTERN OF KNOWLEDGE, COMPREHENSION AND THEORY APPLICATION AMONG MALAYSIAN COUNSELORS

ABSTRACT

The aim of this study was to investigate the pattern of knowledge, comprehension and theory application among Malaysian counselors. This study employed a mixed-method approach: a combination of qualitative and quantitative approaches in research design. In the qualitative approach, a case study design and document analysis was used. Six counselors were chosen purposively and interviewed for the case study. The data from the interview were analyzed using Nvivo 2 software. The analysis revealed themes and sub-themes of the patterns of knowledge, comprehension and theory application. The results of the analysis were used as a guideline to analyse a text used in counseling theory and application courses (Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy). Seven theories were analysed and the themes related to theory application were identified. For the quantitative approach, a set of questionnaire was distributed to 241 counselors who were chosen at randomly. The data collected were analyzed descriptively (percentage and mean) and inferentially (Pearson correlation, ANOVA Factorial and one-way ANOVA). Three dependent variables were tested (knowledge, comprehension and application) against 6 independent variables (age, gender, experience, registration, supervision and academic qualification). The findings of the study showed that there was significant relationship between knowledge and application; and between comprehension and application. However, there was no significant relationship between knowledge and comprehension. The Factorial ANOVA analysis showed that there was insignificant difference of theoretical knowledge (except status) and there was insignificant difference of theoretical application (except supervision) of the counselors who had different backgrounds. The Factorial ANOVA analysis also suggested no significant interaction effect between the independent variables and knowledge, and insignificant interaction effect between independent variables and comprehension (except age and supervision; and gender and supervision). There was also no significant interaction effect between the independent variables and theoretical application.